



PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

BIL. 3 TAHUN 2018

Semua Pegawai Pengawal,
Negeri Perak Darul Ridzuan.

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2019

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2019

TUJUAN

1. Pekeliling ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada Pegawai Pengawal bagi penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Pembangunan dan Anggaran Hasil bagi tahun 2019.

STRATEGI BAJET TAHUN 2019

2. Ekonomi Negara dijangka meneruskan momentum pertumbuhan kukuh selepas mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di luar jangka, iaitu 5.9% pada 2017, berbanding 4.2% pada 2016 dan disokong oleh ekonomi domestik yang stabil. Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi global dipengaruhi pelbagai faktor seperti perubahan geopolitik antarabangsa, volatiliti pasaran kewangan dan harga komoditi yang tidak menentu.
3. Mendepani situasi ketidaktentuan ekonomi yang penuh dengan cabaran, Kerajaan Negeri perlu sentiasa bersedia serta memperkemaskan urus tadbir Negeri dengan cetusan sumber ekonomi baru, di samping mengoptimumkan potensi sumber sedia ada agar agenda penyampaian perkhidmatan dan pembangunan bersifat mensejahterakan rakyat terus diutamakan.
4. Selaras dengan itu, penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahunan perlulah disusun secara strategik melalui penyusunan semula keutamaan program dan projek supaya perbelanjaan lebih berfokus, efektif serta mengelakkan pembaziran, di samping pengurusan kewangan yang cekap dan berhemat, dengan memastikan setiap ringgit yang dibelanjakan memberikan nilai optimum, mengutamakan keperluan dan komitmen yang lebih mendesak

serta penyusunan semula program sedia ada, merujuk kepada kesesuaian dan perubahan persekitaran penyampaian perkhidmatan.

5. Seluruh jentera Negeri perlu bekerjasama merealisasikan hasrat ini, dengan strategi dan fokus berteraskan keberhasilan dan pengurusan kos yang efektif seperti berikut:

5.1. Memperkasa dan memperkemaskan kaedah kutipan hasil melalui perancangan berikut:-

- a) Memperkemas dan mengaktifkan jentera kutipan hasil;
- b) Menyelenggara dan mengemaskini maklumat/ sistem kutipan hasil secara berterusan;
- c) Memperkemaskan sumber-sumber hasil baru serta menguatkuasakan kutipan hasil berkenaan; dan
- d) Mengenalpasti dan memberi keutamaan kepada pencarian hasil-hasil yang mempunyai kadar kebolehan kutipan yang tinggi selain hasil-hasil yang boleh memberi impak kepada hasil negeri.

5.2. Mengamalkan pengurusan sumber yang lebih efektif dan dinamik melalui pendekatan berikut:

- a) mengutamakan penyampaian *core business* jabatan yang lebih dekat dengan masyarakat, dengan memberi penekanan kepada program yang merangsang ekonomi setempat dan memberi nilai tambah kepada masyarakat secara umumnya;
- b) memperbaharui penyampaian sedia ada dengan menggugurkan program yang tidak memberi impak yang diharapkan, serta menyuntik program-program yang lebih berkesan tanpa penambahan peruntukan yang ketara;

- c) membudayakan perbelanjaan berhemat secara menyeluruh agar tidak bermewah dan berlebihan di samping mengurangkan perbelanjaan pengurusan tidak kritikal;
- d) mengemaskini kaedah perancangan perbelanjaan agar memberi nilai terbaik dari segi kos dan kualiti produk/perkhidmatan, serta dibuat secara tersusun; dan
- e) menyelesaikan isu pertindihan program dan golongan sasaran antara jabatan/agensi Persekutuan/Negeri dengan mengamalkan kolaborasi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) berteraskan prinsip kos yang rendah, berimpak tinggi serta pelaksanaan pantas dan mapan.

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

- 6. Demi mencapai matlamat Kerajaan untuk menguruskan kewangan secara lebih berkesan, Pegawai Pengawal perlu merencana strategi perbelanjaan menyeluruh dengan memberi perhatian perkara-perkara berikut semasa menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus:
 - 6.1. perancangan program dan aktiviti hendaklah dinilai, diubahsuai dan disusun mengikut keutamaan yang berteraskan keberhasilan dan keberkesanan kos;
 - 6.2. program dan aktiviti yang tidak lagi relevan, mahupun bertindih dari segi fungsi serta kumpulan sasaran, **hendaklah ditamatkan**;
 - 6.3. menyediakan anggaran peruntukan yang mencukupi bagi emolument berdasarkan **pengisian penjawatan sedia ada** dan **Bantuan Khas Kewangan (anggaran RM2,000.00 setiap seorang)** untuk kakitangan tetap serta kontrak termasuk yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000.

- 6.4. semua peruntukan bagi komitmen **perbelanjaan berkontrak dan berjadual** mestilah disediakan secukupnya, terutamanya elaun, utiliti, sewaan, perbekalan, selenggara dan perkhidmatan;
 - 6.5. mengutamakan **penyelenggaraan aset** Kerajaan termasuk kenderaan, bangunan, peralatan dan kelengkapan;
 - 6.6. memastikan pematuhan kepada langkah-langkah penjimatan dan menerapkan kawalan dalaman yang efektif;
 - 6.7. memastikan cadangan perolehan aset baru dibuat penilaian **dan kajian pasaran** (3 sebut harga) serta dihadkan kepada keperluan asas jabatan yang dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan; dan
 - 6.8. mematuhi garis panduan dan peraturan berkuatkuasa untuk perbelanjaan secara berhemat yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
7. Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2019 akan dibuat melalui kaedah penetapan Batas Perbelanjaan atau *Expenditure Target (ET)* seperti berikut:-

$ET\ 2019 = [\text{Dasar Sedia Ada} + \text{Dasar Baru} + 3\% \text{ Kenaikan Emolumen}] \\ - [\text{Baki Peruntukan 2017 yang tidak dibelanjakan} + \text{One Off 2018}]$
--

8. Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi Batas Perbelanjaan sepenuhnya. Semua perbelanjaan yang termasuk dalam definisi **Dasar Sedia Ada** hendaklah dirangkumkan dalam Batas Perbelanjaan. Batas Perbelanjaan ini tidak terpakai untuk maksud Tanggungan.

9. Cadangan Bajet untuk melaksanakan **Dasar Baru** dan **One-Off** hendaklah dikemukakan **secara berasingan**. Pegawai Pengawal perlu mengemukakan justifikasi lengkap bagi permohonan yang melibatkan kedua-dua perkara tersebut termasuklah:
 - 9.1. kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau lain-lain pembuktian keperluan dasar baru ini, jika ada;
 - 9.2. perkiraan implikasi kewangan yang boleh dibuktikan dengan senarai nama, kadar, kajian pasaran, sebut harga atau apa-apa dokumen yang wajar;
 - 9.3. pembuktian secara melalui laporan, data dan statistik yang boleh membantu permohonan juga boleh dikemukakan;
 - 9.4. permohonan perlulah munasabah dan telah diperaku di peringkat jabatan sebelum diangkat untuk pertimbangan; dan
 - 9.5. semua cadangan Dasar Baru dan *One-Off* Perbelanjaan Mengurus perlu mengikut format yang sama seperti di **Lampiran A**.

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

10. Tahun 2019 adalah tahun keempat pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11) dan Kerajaan komited untuk meneruskan inisiatif pembangunan memakmurkan Negeri dengan projek dan program baru mahupun sambungan, dengan memenuhi ekspektasi *stakeholder* dan pelanggan, yang mampu memacu perubahan berteraskan kepentingan rakyat secara keseluruhannya.

11. Pegawai Pengawal perlu memastikan pelaksanaan projek yang telah diluluskan berjalan dengan lancar, mengikut jadual serta anggaran kos yang ditetapkan, seterusnya memberi impak kepada pembangunan negeri. Oleh yang demikian, keutamaan perlu diberikan kepada projek sambungan, projek yang diluluskan secara berfasa serta projek-projek strategik yang berimpak tinggi.

12. Cadangan perbelanjaan pembangunan (sambungan dan baru) perlulah disediakan dengan meliputi maklumat seperti berikut:-
 - 12.1. Tajuk Projek dan Pecahan Kepala yang disyorkan bagi projek berkaitan;

 - 12.2. anggaran siling dan kos projek bagi tahun semasa serta keseluruhan RMKe-11, mengambil kira kos penyediaan lokasi, kos bahan binaan semasa, kos sumber manusia dan faktor lain bagi mengelakkan anggaran yang tidak tepat; dan

 - 12.3. status projek, sama ada projek sambungan mahupun projek baru, dengan justifikasi tambahan diberikan untuk projek baru, meliputi kelulusan-kelulusan yang telah diterima, impak yang disasarkan serta keberhasilan kepada kemakmuran negeri secara holistik;

13. Bagi cadangan projek fizikal, jabatan teknikal berkaitan hendaklah dirujuk terlebih dahulu agar dapat ditentukan **ketersediaan pelaksanaan projek (*implementation readiness*)** dan anggaran keperluan aliran tunai untuk tahun 2019. Pegawai Pengawal dan jabatan teknikal bertanggungjawab memastikan peruntukan pembangunan yang disediakan adalah mencukupi dan tidak berlaku *shortfall* atau lebih.

14. Senarai projek, ringkasan projek serta siling peruntukan bagi menyiapkan projek hendaklah dirujuk kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang bertanggungjawab menyelaraskan dan memperakukan cadangan permohonan pelaksanaan projek-projek pembangunan negeri.
15. Peruntukan yang dipohon mestilah mematuhi siling dan kos projek yang telah diluluskan di dalam RMKe-11. Sebarang keperluan untuk **meminda kos projek** perlu dikemukakan ke UPEN untuk tindakan, sebelum peruntukan pembangunan bagi 2019 boleh dimuktamadkan.
16. Penyelarasan semula keutamaan projek melalui **Notis Perubahan (Notice of Change)** hendaklah mendapat kelulusan UPEN.

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL

17. Pegawai Pengawal hendaklah menyemak dan bertanggungjawab bagi memastikan kemasukan data mengikut kod hasil adalah munasabah. Anggaran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan terperinci serta penjelasan kepada jangkaan peningkatan atau pengurangan berbanding dengan tahun sebelumnya, iaitu bagi anggaran hasil tahun 2019 berbanding anggaran tahun 2018. Penyediaan anggaran hasil hendaklah berdasarkan perkara-perkara berikut:
 - 17.1. Rekod pungutan hasil sebenar bagi tempoh dua (2) tahun lalu;
 - 17.2. Perubahan-perubahan yang berlaku sama ada dari segi dasar, peraturan, kadar kutipan dan kedudukan ekonomi semasa/dijangkakan; dan

- 17.3. Usaha-usaha meningkatkan pungutan hasil yang telah dibuat oleh jabatan dan keberkesanannya dalam meningkatkan kutipan hasil semasa dan tunggakan yang dibuat oleh jabatan.
18. Semua data anggaran hasil hendaklah **dikunci masuk dan disemak** oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) di dalam Sistem 1SPEKS **selewat-lewatnya 31 Julai 2018**. Kelulusan ke atas semua data anggaran hasil yang disemak akan dibuat di Pejabat Kewangan Negeri.
19. Bagi **hasil berkaitan tanah**, semua anggaran hendaklah dikunci masuk dan disemak data anggaran hasil bagi **PTJ masing-masing sahaja** ke dalam Sistem SPEKS, berdasarkan **anggaran yang telah diluluskan** oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak.
20. Semua data anggaran hasil **mestilah dibundarkan** kepada **ratus** yang hampir.
21. PTJ berkaitan hendaklah **memperaku segera** data anggaran hasil setelah Belanjawan 2019 diluluskan di Dewan Undangan Negeri.
22. Bagi PTJ yang tidak mempunyai akses Sistem 1SPEKS, **ibu pejabat** kepada PTJ berkenaan hendaklah menyediakan anggaran, mengunci masuk, menyemak dan memperaku data anggaran hasil bagi PTJ berkaitan ke dalam Sistem 1SPEKS.

PENYAMPAIAN CADANGAN BAJET 2019

23. Pegawai Pengawal hendaklah meneliti dan **menyemak cadangan bajet** yang disediakan di peringkat jabatan sebelum dikemukakan ke Pejabat Kewangan Negeri **melalui sistem 1SPEKS**, mengikut format yang disediakan dalam Sistem 1SPEKS Modul Bajet disamping mengemukakan dalam bentuk dokumen sebelum atau pada **4 Mei 2018** seperti berikut:

23.1. Dua (2) salinan *hard copy* cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus (**Format BM5 - Ringkasan Perbelanjaan Program/Aktiviti mengikut Objek Sebagai**).

23.2. Dua (2) salinan *hard copy* cadangan Anggaran Hasil menggunakan format berikut:-

- a. **Format AH1 – Ringkasan Hasil Mengikut Objek Sebagai;**
- b. **Format AH2 – Butir-Butir Hasil Mengikut Objek Lanjut;**
- c. **Format AH3 – Justifikasi Anggaran Hasil.**

23.3. Ringkasan dan justifikasi lengkap bagi permohonan Dasar Baru dan *One-Off* dalam bentuk *soft copy* dan *hard copy* menggunakan format **Lampiran A** berserta dokumen sokongan seperti di **perenggan 9**.

23.4. Cadangan Anggaran Pembangunan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak dan salinannya ke Pejabat Kewangan Negeri menggunakan format-format melalui sistem 1SPEKS seperti berikut:

- a. **Format AP1- Anggaran Belanjawan Pembangunan mengikut Projek;**
- b. **Format AP2 - Anggaran Belanjawan Pembangunan mengikut Senarai Projek.**

PENUTUP

24. Pegawai Pengawal diminta memberi kerjasama dalam memastikan penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2019 dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat,

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



(DATO' HAJI MOHD GHAZALI BIN JALAL)
Pegawai Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Tarikh : **30 Mac 2018**

s. k. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

Pengarah
Unit Perancang Ekonomi Negeri
Perak Darul Ridzuan

Bendahari Negeri Perak
Pejabat Kewangan Negeri Perak

Pegawai Teknologi Maklumat
Pejabat Kewangan Negeri Perak